

# PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

BLOK C UTARA, PUSAT BANDAR DAMANSARA, KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

TEL : 03-20945222 FAX : 03-20954239

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : LPP(B)5/4 ( 3 )  
Tarikh :

## PEKELILING PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN : 1 TAHUN 2009

### BORANG PERMOHONAN MENJADI AHLI PPK SECARA MUAT TURUN DARI LAMAN WEB LPP

#### 1. Tujuan

Pekeliling ini dikeluarkan bagi tujuan untuk menjelaskan mengenai borang permohonan menjadi ahli yang diambil secara muat turun dari laman web LPP adalah dokumen sah yang boleh digunakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai borang permohonan menjadi ahli di PPK.

#### 2. Latarbelakang

Peraturan Pertubuhan Peladang 1983:

*Perkara 26. (1) Mana-mana orang yang mematuhi seksyen 9 Akta adalah berkelayakan memohon untuk menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan.*

*(2) Seseorang yang layak boleh didaftarkan sebagai seorang ahli—  
(a) apabila permohonan dibuat dalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar;*

Sehubungan itu setiap PPK telah menyediakan borang menjadi ahli masing-masing selaras dengan kehendak peraturan ini. Borang-borang yang disediakan juga mengandungi perkara-perkara yang menjadi syarat menjadi ahli seperti yang termaktub dalam *Seksyen 9 (1) Akta PP 1973 iatu berumur 18 tahun ke atas, mengambil bahagian dalam pengeluaran pertanian atau ternakan, pendapatannya dari pengeluaran pertanian atau ternakan dan menguasai mana-mana faktor-faktor pengeluaran pertanian atau ternakan*. Selain dari itu juga terdapat tambahan-tambahan maklumat yang difikirkan perlu diadakan dalam borang tersebut. Ini menjadikan borang-borang tidak seragam antara PPK dengan PPK lain.

### **3. Borang Permohonan Menjadi Ahli PPK Di Laman Web LPP**


Sebagai langkah awal LPP telah meletakkan borang permohonan menjadi ahli PPK di Laman Web LPP pada Mac 2008. Tujuannya adalah bagi memudahkan orang ramai yang ingin menjadi ahli sesebuah PPK mendapatkan borang secara muat turun dari laman web. Ianya bukanlah permohonan menjadi ahli PPK secara 'on line'. Borang ini boleh digunakan oleh semua PPK sebagai dokumen rasmi.

### **4. Keputusan Penggunaan Borang**

Sehubungan itu borang Permohonan Menjadi Ahli PPK Di Laman Web LPP telah diperbaiki mengikut keperluan *Seksyen 9 (1) Akta PP 1973* bagi AJP PPK meluluskan permohonan seseorang peladang menjadi ahli PPK. Dengan demikian borang Permohonan Menjadi Ahli PPK Di Laman Web LPP hendaklah digunakan oleh PPK sebagai dokumen yang sah dan dilaksanakan di semua PPK.

5. **Tarikh Kuatkuasa**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari **Satu** haribulan **November** tahun **Dua Ribu Sembilan**.

  
(**MARIAM MAS BINTI YAACOB**)  
Pendaftar,  
Pertubuhan Peladang.